



## **SIARAN MEDIA**

### **UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI**

#### **KERAJAAN TERUS PERKASA PENYELESAIAN ISU STRUKTURAL, PENGURUSAN RISIKO DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI PLATFORM STAR**

**UNTUK SIARAN SEGERA  
19 OGOS 2025**

**PUTRAJAYA, 19 Ogos 2025** – Komitmen Kerajaan MADANI dalam mempercepat reformasi penyampaian perkhidmatan awam diteruskan menerusi penganjuran Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bilangan 7 Tahun 2025 yang berlangsung pada 18 Ogos 2025 (Isnin), dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Mesyuarat petang semalam antara lain membincangkan status pelaksanaan projek-projek STAR, menilai isu-isu berkait kecekapan pentadbiran, serta mempertimbangkan beberapa inisiatif strategik berkaitan pengoperasian kuarters kerajaan, keselamatan sempadan, gangguan sistem imigresen dan cabaran teknologi dalam pentadbiran awam.

Mesyuarat turut memberi perhatian terhadap usaha memperkukuh integriti perkhidmatan awam, khususnya di pintu masuk negara, selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti. Pasukan STAR akan terus meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan penyampaian di lapangan dan menambah baik prosedur operasi serta sistem sokongan, bagi menjamin keutuhan institusi perkhidmatan awam mengikut piawaian antarabangsa.

Turut dibentangkan ialah analisis berkait "AI Productivity Paradox" yang menunjukkan walaupun penggunaan teknologi AI menjimatkan masa, ia belum diterjemahkan kepada lonjakan produktiviti negara. Pasukan STAR sedang meneliti perkara ini secara menyeluruh bagi memastikan pelaburan dalam AI benar-benar menyumbang kepada kecekapan sistem pentadbiran dan penyampaian kerajaan.

Kerajaan menerusi STAR memberikan penekanan terhadap agenda produktiviti negara dan menyelesaikan segala isu yang menghalang tatakelola yang baik serta penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Setiap isu yang dibangkitkan akan dianalisis dan dilaksanakan penilaian di lapangan untuk pertimbangan penyelesaian secara tuntas demi penambahbaikan sistemik.

Sebagai simbol pengiktirafan terhadap kementerian yang berjaya melaksanakan projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB), tiga kementerian telah menerima sijil penghargaan RKB:

- i. **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM):** Meningkatkan Akses Pembelajaran Kursus Bidang Kerja Sosial Melalui Pendigitalan yang menggalakkan pembelajaran sendiri dan *lifelong learning* serta menawarkan fleksibiliti waktu dan tempat yang melibatkan penjimatan kos pematuhan sebanyak RM150,000.00 setahun;
- ii. **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):** Mempercepat Proses Penawaran Rayuan Calon Jaya Kemasukan ke Kolej Matrikulasi KPM dari 12 ke 5 Hari Bekerja dengan penjimatan kos sebanyak RM7.5 juta setahun; dan
- iii. **Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK):** Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelesenan dan Permit LGM yang melibatkan 68% pengurangan kos pematuhan setahun dengan penjimatan sebanyak RM11.4 juta.

Pasukan STAR yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), dengan kerjasama Unit Pantau MADANI (PMU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan terus memainkan peranan strategik dalam memacu penyampaian dasar dan penyelesaian isu secara rentas kementerian dan agensi.

### **Reformasi Satu Kemestian!**

\*\*\*\*\*

**Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR)**  
Putrajaya

**19 Ogos 2025**

